

02 SEP 2000

Mahathir-Demokrasi

KEAMANAN DAN KESATABILAN AKAN TERGANGGU JIKA DEMONSTRASI BERTERUSAN

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keamanan dan kestabilan di mana-mana negara akan terganggu jika rakyat terus mengadakan demonstrasi jalanan mengemukakan tuntutan semata-mata atas kepentingan demokrasi.

Beliau berkata banyak pihak masih tidak faham mengenai dengan proses demokrasi.

"Kita beranggapan bahawa demokrasi bermakna kebebasan mutlak melakukan apa sahaja termasuk menembak orang yang kita tidak suka," kata beliau semasa menjawab soalan-soalan daripada hadirin selepas menerima anugerah pencapaian seumur hidup daripada American Finance House, Lariba, di Islamic Cultural Center of Greater Chicago di Northbrook, di sini pada Jumaat.

Dr Mahathir berkata jika perkara itu berlaku, ia akan mengganggu keamanan dan kestabilan dan dari semasa ke semasa gangguan itu akan sampai ke peringkat membimbangkan hingga negara langsung tidak dapat mencapai kemajuan.

"Pada peringkat itu, mungkin ada orang yang berfikir untuk mengubah sistem itu untuk sementara. Kita perlu belajar bagaimana untuk memanfaatkan demokrasi bagi mewujudkan kerajaan yang stabil," kata Dr Mahathir ketika ditanya oleh seorang rakyat Pakistan apakah nasihat beliau mengenai isu-isu yang dihadapi oleh Pakistan.

"Saya berharap semoga anda (Pakistan) akan kembali ke landasan demokrasi. Tetapi masyarakat Pakistan harus belajar bagaimana untuk mengawal perasaan dalam sistem demokrasi. Anda tidak boleh bertindak sesuka hati," kata beliau.

Perdana Menteri berkata apabila sebuah kerajaan ditubuhkan, maka mogok dan demonstrasi besara-besaran akan dilancarkan untuk menjatuhkan kerajaan.

"Ia akan berterusan sehingga kerajaan dijatuhkan dan sebuah kerajaan baru dari parti pembangkang dibentuk. Penyokong kerajaan sebelumnya sekarang pula akan mengadakan mogok dan demonstrasi. Mengapa, sebab dalam sistem demokrasi, kamu dibenarkan melancarkan mogok dan demonstrasi."

"Kamu boleh mengadakan mogok, mungkin bagi pertikaian buruh tetapi mogok umum bukan menyentuh perbalahan buruh dan ia mengenai politik dan boleh menghancurkan negara," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata rakyat harus dibenarkan mentadbirkan kerajaan sebaik sahaja kerajaan dipilih untuk tempoh tertentu.

Mereka (kerajaan) mungkin melakukan kesilapan tetapi tunggulah sehingga pilihan raya sebelum menjatuhkan kerajaan itu, kata Dr Mahathir.

"Tetapi jika kamu bermula di pertengahan penggal untuk menjatuhkan kerajaan dan kemudian memilih kerajaan lain, maka akhirnya tidak ada kerajaan," kata beliau.

-- BERNAMA

MKO FAZ